

# **BAB 4**

## **PENUTUP**

# PENUTUP

Sistem penyampaian perkhidmatan awam yang cekap amat diperlukan sebagai kunci kepada kejayaan pelaksanaan program-program sosial dan ekonomi yang digubal kerajaan. Ia juga bagi memenuhi tuntutan dan ekspektasi rakyat serta masyarakat perniagaan yang meningkat.

Pelan Strategik MDGM 2009 – 2015 telah mengariskan beberapa objektif strategik dan strategi serta tindakan/program yang perlu dilaksanakan. Tumpuan diberikan kepada usaha penambahbaikan mekanisme pelaksanaan, penyelarasan, pemantauan dan penilaian agar program yang dirancang dapat dilaksanakan dapat mencapai matlamat yang disasarkan mengikut tempoh yang ditetapkan serta pencapaiannya dapat diukur berdasarkan kepada indikator yang ditetapkan.

Pelan Strategik ini mengariskan tumpuan, teras dan sasaran strategik ke arah mencapai keperluan organisasi dan kepuasan pelanggan. Pelan Strategik ini menyediakan rangka kerja kepada pihak pengurusan untuk memantau hala tuju organisasi serta meningkatkan keupayaan dalaman bagi merealisasikan matlamat strategik MDGM.